



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 10 DISEMBER 2020**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI PERKENAL DUA PELAN STRATEGIK GALAK BELIA DALAM BIDANG PENTERNAKAN, DEWAN RAKYAT, SINAR HARIAN -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	DUA PELAN STRATEGIK GALAK BELIA SERTA PENTERNAKAN, ONLINE, HAKAH DAILY	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR LULUS 39 RUMAH SEMBELIH LUAR NEGARA, NASIONAL, SINAR HARIAN -6	
4.	BUKAN SEMUA BOLEH IMPORT DAGING, NEGARA, KOSMO -16	
5.	NELAYAN JOHOR DAPAT BANTUAN RM1.4 JUTA, NEGERA, KOSMO -18	LAIN-LAIN
6.	5,000 BENIH LAMPAM DILEPAS, KOMUNITI KITA, KOSMO -32	
7.	PENDUDUK TAK SEMPAT KUTIP CILI, JAGUNG, LOKAL, HARIAN METRO -18	
8.	NASIB 204 PEKEBUN MUSANG KING 23 DIS., DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -13	
9.	NASIB PEKEBUN MUSANG KING 23 DISEMBER, NASIONAL, BERITA HARIAN -19	
10.	NESTLE UNVEILS HOME-GROWN KOPI KEDAH, BUSINESS TIMES, NST -16	
11.	NUR HIDAYU TIDAK KISAH DIGELAR 'GADIS LEMBU', DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -30	
12.	KEJERNIHAN SUNGAI KESANG TERUS JADI TARIKAN, JAGA SUNGAI KITA, BERITA HARIAN -26	
13.	PROJEK PERINTIS PEMBANGUNAN TANAH TERBIAR, TERENGGANU KINI, HAKAH NANAS, LANGSAT, TEMBIKAI KURANG DIMAKAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -30	
14.	RAHMAT KINI PEKEBUN NANAS, HITS, UTUSAN MALAYSIA -27	
15.	PENGALAMAN GAGAL DALAM PERNIGAAAN JADI KEKUATAN, HITS, UTUSAN MALAYSIA -28	
16.		

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2020	SINAR HARIAN	DEWAN RAKYAT	7

## MAFI perkenal dua pelan strategik galak belia dalam bidang penternakan

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menyediakan dua pelan strategik utama bagi menggalakkan penglibatan golongan belia dalam bidang penternakan terutama industri daging.

Timbalan Menteri, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, dua pelan strategik itu ialah Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara yang menggariskan 12 hala tuju dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenuku Negara yang memiliki lapan hala tuju.

Menurutnya, antara program yang dilaksanakan di bawah pelan strategik itu ialah Program Pembangunan Industri Ruminan (Proper) yang sehingga kini terdapat 10 peserta terdiri daripada golongan belia.

“Program lain yang turut dilaksanakan ialah Projek Taman Kekal Pengeeluaran Ruminan (TKPR) yang menggalakkan penglibatan pelaburan swasta dalam penternakan dengan menyediakan infrastruktur kandang di bawah Projek Taman Kekal Pengeeluaran Ruminan (TKPR) yang memberi fokus kepada pengusaha komersial dan semi komersial termasuk golongan belia.

“Projek Rintis Tenuku yang mula dilaksanakan pada tahun 2017 melalui

insentif geran pepadanan pula sehingga kini telah menarik seramai 41 penyertaan daripada golongan belia,” katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan **Datuk Dr Hasan Bahrom (PH-Tampin)** berhubung pelan tindakan yang strategik dan bagi menggalakkan golongan belia untuk terlibat dengan bidang penternakan terutama industri daging.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, Program Agropreneur Muda juga turut diperkenalkan khusus bagi menggalakkan pembabitian golongan muda yang merangkumi sektor ternakan di samping sektor tanaman, perikanan dan industri makanan.

Beliau berkata, skop ternakan adalah terbuka kepada hampir semua jenis projek ternakan baik ternakan ruminan seperti lembu, kambing dan bukan ruminan seperti ayam kampung, itik dan lain-lain unggas selain perkhidmatan sokongan dan input pertanian.

“Secara keseluruhan bagi sektor penternakan, seramai 1,259 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan Geran Agropreneur Muda dari 1 Januari 2016 hingga 15 November 2020 yang berjumlah RM26.3 juta,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

## DUA PELAN STRATEGIK GALAK BELIA SERTA PENTERNAKAN



**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menyediakan dua pelan strategik utama bagi menggalakkan golongan belia untuk terlibat dengan industri penternakan.

Timbalan Menteri, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata dua pelan strategik itu ialah Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara yang menggariskan 12 hala tuju dan Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenuku Negara memiliki lapan hala tuju strategik.

Katanya, penglibatan belia amat digalakkan dalam program-program berkenaan.

"Antara program-program yang dilaksanakan di bawah pelan strategik ini ialah Program Pembangunan Industri Ruminan (PROPER) yang sehingga kini terdapat 10 peserta terdiri daripada golongan belia.

"Projek Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) yang menggalakkan penglibatan pelaburan swasta dalam penternakan dengan menyediakan infrastruktur kandang di bawah Projek Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) yang memberi fokus kepada pengusaha komersial dan semi komersial termasuk golongan belia.

"Projek Rintis Tenuku sehingga kini seramai 41 penyertaan dari golongan belia telah ditawarkan untuk program ini," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab Dato' Dr Hasan Bahrom [PH-Tampin] yang menanyakan tentang pelan tindakan strategik bagi menggalakkan golongan belia terlibat dengan industri penternakan.

Dalam masa yang sama, Che Abdullah berkata Program Agropreneur Muda turut diperkenalkan yang merangkumi sektor ternakan di samping sektor tanaman, perikanan dan industri makanan khusus kepada golongan belia.

"Skop ternakan adalah terbuka kepada hampir semua jenis projek ternakan baik ternakan ruminan seperti lembu, kambing dan bukan ruminan seperti ayam kampung, itik dan lain-lain unggas selain perkhidmatan sokongan dan input pertanian.

"Secara keseluruhan bagi sektor penternakan, seramai 1,259 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan Geran Agropreneur Muda dari 1 Januari 2016 hingga 15 November 2020 yang berjumlah RM 26.3 juta," katanya.

Tambahnya lagi, Program Geran Pematangan Change Upgrade Product (CUP) dan Program Geran Pematangan High Impact Product (HIP) yang diperkenalkan pada tahun 2014 bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran usahawan Industri Makanan (IM) termasuk produk berasaskan daging yang juga boleh dimanfaatkan oleh usahawan-usahawan muda.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

## Jabatan Perkhidmatan Veterinar lulus 39 rumah sembelih di luar negara

**PUTRAJAYA** - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah meluluskan sebanyak 39 rumah sembelih terdiri daripada 28 rumah sembelih lembu di Australia, New Zealand, Argentina, Brazil, Pakistan dan Afrika Selatan serta 11 rumah sembelih kerbau di India serta Pakistan.

DVS dalam satu kenyataan semalam memaklumkan kesemua rumah sembelih tersebut telah melalui pemeriksaan audit oleh DVS dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk rumah sembelih kerbau di India sebelum kelulusan diberikan.

Senarai penuh rumah sembelih mengikut negara sumber yang telah diluluskan boleh dilayari dalam laman sesawang [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my).

“Pengimportan daging secara sah perlu diperoleh daripada sumber negara dan rumah sembelih yang telah diperiksa dan diluluskan oleh DVS dan Jakim bersama KKM untuk rumah sembelih kerbau di India, sebagai jaminan keselamatan makanan dan status halal.

“DVS memandang serius isu penyeludupan daging oleh pihak tidak bertanggungjawab seperti yang dibongkarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Jakim baru-baru ini,” kata ke-

**DAGING  
SEJUK BEKU  
SELUDUP**

nyataan itu. Menurut kenyataan itu lagi, aktiviti penyeludupan dan pembungkusan semula daging yang menyalahi undang-undang pastinya menimbulkan kekeliruan serta persepsi negatif kepada daging diimport secara sah melalui sistem kelulusan import ditetapkan kerajaan menerusi DVS dan Jakim.

“Kebenaran import hanya diberikan kepada syarikat yang berdaftar dengan DVS dan setiap konsainan import perlu dibuktikan dengan dokumen perakuan sah oleh pihak berkuasa negara pengeksporth seperti Sijil Kesihatan Veterinar oleh pihak berkuasa Veterinar, Sijil Halal oleh badan Islam yang diperakui Jakim serta mendapat kelulusan permit import Maqis.

“Setiap konsainan daging yang diimport setelah melepasi semua prosedur ditetapkan akan dijalankan pemeriksaan fizikal dan verifikasi dokumen oleh Maqis di pintu masuk sebelum diberikan pelepasan memasuki negara,” kata kenyataan itu.

Media sebelum ini melaporkan mengenai kegiatan kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging itu menggunakan logo halal di sebuah gudang di Senai, Johor. *-Bernama*

Maqis, Kastam, KPDNHEP, Jakim memandang serius isu penyeludupan

# Bukan semua boleh import daging

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menegasakan, kebenaran bagi mengimport daging ke negara ini hanya diberikan kepada syarikat yang berdaftar dengan jabatan tersebut.

DVS dalam satu kenyataan berkata, setiap konsainan import juga perlu dibuktikan dengan dokumen perakuan sah oleh pihak berkuasa negara pengeksport.

Menurut DVS, ia membabitkan Sijil Kesihatan Veterinar oleh pihak berkuasa veterinar, Sijil Halal oleh badan Islam yang diperakui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta mendapat kelulusan permit import Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

"Setiap daging yang diimport setelah melepasi semua prose-

dur ditetapkan akan dijalankan pemeriksaan fizikal dan verifikasi dokumen oleh Maqis di pintu masuk sebelum diberikan pelepasan memasuki negara," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, DVS memandang serius isu penyeludupan daging oleh pihak tidak bertanggungjawab seperti yang dibongkar oleh Maqis, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Jakim baru-baru ini.

"Aktiviti penyeludupan dan pembungkusan semula daging yang menyalahi undang-undang pastinya menimbulkan kekeliruan dan persepsi negatif kepada daging yang diimport secara sah melalui sistem kelulusan import ditetapkan kerajaan menerusi DVS dan Jakim.

"Pengimportan daging secara sah perlu diperoleh dari-



**DAGING** kerbau 28 tan yang dirampas Maqis Pulau Pinang selepas didapati tidak mempunyai dokumen lengkap dan meragukan baru-baru ini.

pada sumber negara dan rumah sembelih yang telah diperiksa dan diluluskan oleh DVS dan Jakim bersama Kementerian Kesihatan (KKM) untuk rumah sembelih kerbau di India sebagai jaminan keselamatan makanan dan status halal," katanya.

Katanya lagi, sehingga kini, kerajaan meluluskan sebanyak 28 rumah sembelih lembu dari Australia, New Zealand, Argentina, Brazil, Pakistan dan Afrika Selatan serta 11 rumah sembelih kerbau dari India dan Pakistan.

"Kesemua rumah sembelih tersebut telah dijalankan pemeriksaan audit oleh DVS dan Jakim serta KKM untuk rumah sembelih kerbau di India sebelum kelulusan diberikan," katanya.

Dalam pada itu, senarai rumah sembelih mengikut negara sumber yang telah diluluskan boleh dilayari dalam laman sawang [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my).



## Nelayan Johor dapat bantuan RM1.4 juta

**ISKANDAR PUTERI** - Kerajaan Negeri Johor menyampaikan bantuan sebanyak RM1.4 juta kepada 1,475 nelayan di kawasan Johor Selatan yang terkesan akibat penularan pandemik Covid-19 semalam.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd. Aziz berkata, bantuan itu amat diperlukan golongan nelayan bagi menampung perbelanjaan harian selain membeli peralatan menangkap ikan.

"Sumbangan ini memberi makna yang besar kepada kami golongan nelayan yang terjejas berikutan kekurangan pendapatan kesan daripada penularan Covid-19.

"Pihak persatuan akan mengagihkan sumbangan ini ke-

pada nelayan-nelayan terlibat, katanya selepas Majlis Penyerahan Bantuan Khas Nelayan Johor Selatan 2020 di Bangunan Dato' Jaafar Mohammad di sini semalam.

Majlis Penyerahan Bantuan Khas Nelayan Johor Selatan 2020 itu disempurnakan oleh Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Haji Sam Solbari Jarnali dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azm Rohani.

Azli memberitahu, tahun ini adalah kali keenam berturut-turut pihaknya menerima bantuan tersebut daripada kerajaan negeri.



**HASNI (kiri)** memegang replika cek bantuan khas nelayan Johor Selatan Tahun 2020 di Iskandar Puteri semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2020	KOSMO	KOMUNITI KITA	32

# 5,000 benih lampam dilepas

**REKREASI.** Sebanyak 5,000 ekor benih spesies ikan lampam atau nama saintifik *Puntius Schwenfeldii* dilepaskan di Sungai Kiol, Jerantut, Pahang baru-baru ini.

Program anjuran Pejabat Perikanan Jerantut itu telah disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri Damak, Zuridan Mohd. Daud.

Zuridan berkata, pelepasan benih ikan lampam di sungai

itu bertujuan menambahkan lagi bilangan spesies ikan di kawasan sungai khususnya sebagai sumber makanan selain pembangunan sektor ekopelancongan di Jerantut.

“Projek ini juga dapat membantu mengekalkan kemampuan alam sekitar khususnya kawasan sungai yang menjadi tarikan bagi aktiviti rekreasi penduduk setempat,” katanya.



**ZURIDAN (depan, kiri) melepaskan benih ikan lampam bersama kakitangan Pejabat Perikanan Jerantut di Kampung Sungai Kiol, Jerantut baru-baru ini.**



# Penduduk tak sempat kutip cili, jagung

**Marang:** Rata-rata pengusahanya tanaman di Kampung Alor Ketitir dekat Merchang di sini, terpaksa menanggung kerugian apabila tanamannya diusahakan mereka musnah akibat banjir.

Kebanyakan mereka memaklumkan sudah biasa dengan banjir yang berlaku saban tahun, namun kali ini kedatangan bencana itu lebih awal daripada biasa.

Ia menyebabkan ada antara mereka berputih mata kerana tidak sempat mengutip hasil tanaman sehingga ada yang menanggung kerugian puluhan ribu ringgit.

Tinjauan mendapati kebanyakan pengusaha di kampung itu mengusahakan tanaman jagung, cili, terung dan tembikai.

Bagaimanapun, ada di antara mereka sempat mengutip hasil sebelum kebun di-



RASHID menunjukkan cili yang diusahakannya rosak selepas beberapa hari ditenggelami banjir.

tenggelami air banjir.

Pengusaha kebun cili, Rashid Awang, 65, berkata, kampung berkenaan memang sering dinaiki air setiap kali musim tengkujuh.

“Cuama tahun ini agak teruk sebab air naik lebih ting-

nasib baik apabila sempat mengutip sebahagian daripada hasil pada Oktober lalu.

“Jika tidak, tentu saya menanggung lebih banyak kerugian, namun apa yang berlaku ada hikmahnya dan saya reda dengan ujian diberikan,” katanya yang menanggung kerugian hampir RM6,000.

Rashid yang mengusahakan tanaman cili sejak lebih 30 tahun lalu turut mengusahakan tanaman jagung di atas tanah berkeluasan 0.40 hektar.

“Tanaman jagung memang tidak dapat diselamatkan sebab saya tidak sempat mengutip hasil.

“Bukan saya sahaja yang tidak sempat mengutip hasil tanaman jagung tetapi rakan yang lain turut mengalami nasib sama,” katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

# Nasib 204 pekebun Musang King 23 Dis.

**KUANTAN:** Nasib 204 pekebun durian Musang King di Raub dekat sini sama ada perlu mengosongkan tanah diteroka mereka akan diketahui pada 23 Disember ini.

Perkara itu dinyatakan Mahkamah Tinggi di sini yang menangguhkan keputusan yang sepatutnya diputuskan hari ini berhubung permohonan pendengaran kes semakan kehakiman difailkan 110 pekebun durian di Raub bagi mengetepikan notis pengosongan tanah yang dikeluarkan kerajaan Pahang terhadap mereka.

Penangguhan dibuat Hakim Datuk Zainal Azman Ab. Aziz bagi membolehkan pihak responden dan plaintif menyelesaikan pengurusan kes.

Zainal Azman berkata, penangguhan juga bagi membolehkan pihak mahkamah meneliti afidavit baharu yang dikemukakan pihak plaintif pada minggu lalu untuk mengguna pakai keputusan yang sama terhadap satu lagi

permohonan difailkan 94 lagi pekebun durian di Raub.

Ini menjadikan keseluruhan sebanyak 204 pekebun memfailkan permohonan semakan kehakiman terhadap enam responden iaitu Pentadbir Tanah Daerah Raub; Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), kerajaan Pahang, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP), Royal Pahang Resources PKPP Sdn. Bhd. dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.

Kesemua responden diwakili Peguam Kanan Persekutuan, Noor Fadzila Ishak dan plaintif diwakili peguam, Siew Choon Jern dan Brendan Siva.

Pada prosiding semalam, Choon Jern memaklumkan kepada mahkamah pihaknya telah menulis kepada Jabatan Peguam Negara satu persetujuan bahawa keputusan mahkamah bagi permohonan 110 plaintif terpakai untuk permohonan 94 pekebun yang lain.

## Nasib pekebun Musang King 23 Disember

**Kuantan:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam menetapkan 23 Disember ini untuk keputusan terhadap permohonan mendapatkan kebenaran semakan kehakiman oleh 204 pekebun durian Musang King di Raub, terhadap arahan kerajaan Pahang supaya mengosongkan kebun mereka.

Hakim Datuk Zainal Azman Ab Aziz menetapkan tarikh itu pada prosiding semalam, yang dijadualkan untuk keputusan permohonan berkenaan, namun terpaksa ditangguhkan ke tarikh baharu memandangkan beliau berhasrat mendapatkan penjelasan kedua-dua pihak selepas wujud kekeliruan dalam permohonan itu.

Permohonan asal membabitkan 110 pekebun yang difailkan pada 21 Ogos lalu, sebelum mahkamah dimaklumkan terdapat permohonan kedua yang difailkan oleh 94 pekebun kira-kira sebulan selepas permohonan pertama, iaitu 9 Disember.

"Saya sudah mendengar hujahan kedua-dua pihak berhubung permohonan pertama dan saya difahamkan peguam pemohon dan pihak responden bersetuju supaya keputusan terhadap permohonan pertama terpakai kepada permohonan 94 pekebun.

"Mahkamah memerlukan kepastian kerana apabila saya menyemak fail, tiada sebarang affidavit atau hujahan yang difailkan oleh pihak-pihak berhubung permohonan kedua. Perkara ini perlu disahkan sebelum mahkamah membuat keputusan," katanya.

Sehubungan itu, peguam Siew Choon Jern yang mewakili semua pekebun terbabit dan Peguam Kanan Persekutuan, Noor Fadzila Ishak yang mewakili responden mengesahkan mereka bersetuju affidavit dan hujahan permohonan pertama juga terpakai kepada permohonan terbaru

kerana membabitkan subjek sama.

Pada prosiding itu, Choon Jern juga memohon supaya perintah penggantungan sementara yang diperoleh semua pekebun ditambah bagi memasukkan nama responden kelima iaitu Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) kerana mendakwa ada pemohon menerima notis pengosongan tanah daripada agensi terbabit.

Noor Fadzila bagaimanapun, membantah permohonan itu atas alasan PKPP selaku pemilik tanah mempunyai bidang kuasa bagi mengeluarkan notis itu, selain tindakan terhadap mereka yang enggan mengosongkan tanah hanya akan bermula pada 1 Januari 2021 iaitu selepas pekebun terbabit mengetahui nasib mereka dalam permohonan itu.

Zainal Azman bersetuju dan memutuskan bahawa lanjutan perintah penggantungan sementara itu kekal kepada dua responden pertama sehingga mahkamah membuat keputusan.

Selain Pentadbir Tanah Raub, Pengarah Perhutanan Pahang dan PKPP, 204 pemohon juga menamakan pihak berkuasa negeri, kerajaan negeri Pahang dan Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd sebagai responden dalam permohonan untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman terhadap notis pengosongan kebun mereka.

Selain untuk menyemak arahan pengosongan tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dan Akta Perhutanan Negara 1984, pemohon juga mahu mendapatkan kebenaran semakan kehakiman terhadap keputusan kerajaan negeri yang didakwa memberikan pajakan dan hak penggunaan tanah kebun seluas kira-kira 2,167 hektar (5,357 ekar) kepada syarikat Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd.

BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2020	NST	BUSINESS TIMES	16



*Nestle (Malaysia) Bhd chief executive officer Juan Aranols with its first-ever 100 per cent home-grown coffee, Nescafe Classic Kopi Kedah.*

## 100pc LOCAL COFFEE BEANS

# Nestle unveils home-grown Kopi Kedah

**KUALA LUMPUR:** Nestle (Malaysia) Bhd has launched Nescafe Classic Kopi Kedah, which is made with 100 per cent locally grown coffee beans from the “Nescafe Grown Respectfully” programme.

“Roasted to perfection and ground to a fine coffee powder, the new Kopi Kedah delivers the signature aroma and taste of Nescafe Classic, bringing to Malaysians a truly authentic coffee experience,” said Nestle Malaysia.

Further paying homage to the product, the Nescafe Classic Kopi Kedah was packaged in a printed traditional batik aluminium collectible tin can, it added.

Nestle Malaysia chief executive officer Juan Aranols said it had been supporting rural communities in Malaysia for years.

“We have been engaged in chili and rice farms across several states and now we are so proud to revitalise coffee farming in Kedah to deliver our first Nescafe Classic Kopi Kedah,” he added.

Nestle Beverages Business Unit business executive officer Othman Chraibi said this was a great start to the Nescafe Grown Respectfully programme, which to date had seen the participation of more than 100 farmers planting close to 70,000 plantlets.

“While this is indeed a significant milestone, this is only the

beginning. We will continue to heighten our efforts to cultivate a sustainable coffee future and positively impact the local farming community,” he said.

The sustainable coffee farming initiative, which was launched in Kedah last year, is a collaboration with the Federal Land Development Authority, State Agriculture Department, Kedah Economic Development Authority, Pertubuhan Kami Anak Felda and the Malaysian Agricultural Research and Development Institute.

The limited edition Nescafe Classic Kopi Kedah is available in a 170g aluminium tin can, retailing for RM23.02 at selected local supermarkets and mini markets.

10/12/2020

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

30

# Nur Hidayu tidak kisah digelar 'gadis lembu'

Oleh **NOOR HAYATI MAMAT**  
[utusamews@mediamulla.com.my](mailto:utusamews@mediamulla.com.my)

**HULU TEREGGANU:** Wanita berusia 20 tahun dari Kampung Pantai Ali di sini sanggup bergelumang najis dan bau busuk lembu untuk terus mengusahakan ternakannya walaupun pernah menerima tawaran menyambung pengajian di peringkat diploma.

Nur Hidayu Rosli yang digelar 'gadis lembu' tidak pernah menyedal dengan keputusannya, babakan, cukup bahagia kerana dapat mencurahkan kasih sayang kepada kesemua 10 lembunya yang sudah dianggap sebagai rakan karib.

Menurut anak bongsu daripada lima beradik ini, dia mula didedahkan dengan ternakan lembu sejak kecil lagi dan terlibat secara serius setelah tamat + tingkatan lima.

"Selepas ayah meninggal dunia Mac lalu akibat kanser hati saya mengambil-alih sepenuhnya ternakan ini dengan dibantu abang, Muhammad Faizal, 27.

"Sehari tidak mengusap lembu-lembu ini, rasa tidak lengkap hidup dan saya pernah menolak tawaran menyambung pelajaran ke sebuah universiti awam tempatan dalam bidang berkaitan



**NUR Hidayu Rosli dari Kampung Pantai Ali, Hulu Terengganu digelar gadis lembu kerana terlibat secara serius menguruskan ternakan lembu.**

seni hanya kerana tidak mahu berpisah dengan ternakan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Menurut Nur Hidayu, menjadi rutin hannya membawa 10 rakan karib ke kawasan padang

sejauh kira-kira 200 meter dari rumah untuk makan disamping beberapa kali menjenguk sebelum membawa kesemua lembu itu pulang menjelang senja.

Katanya, kesemua lembu dipelihara itu mempunyai nama masing-masing antaranya Jantan, Putih, Merah, Siti, Kembang dan Soi.

Lembu-lembu ini, katanya, turut menjadi tempat meluahkan rasa selain bersama-sama dengan ibu, Zaini Muda, 60.



10/12/2020

BERITA  
HARIANJAGA  
SUNGAI KITA

26

# Kejernihan Sungai Kesang terus jadi tarikan

Rancarkan sektor pelancongan,  
sumber jana ekonomi penduduk

Oleh Nazri Abu Bakar  
bnnews@bh.com.my

**Jasin:** Kejernihan luar biasa Sungai Kesang di Sungai Rambai, di sini, terus menjadikannya sebagai tarikan kepada orang ramai berkunjung ke kawasan itu, sekali gus meramalkan sektor pelancongan di Melaka.

Apa yang menarik, sungai yang menjadi pemisah di bahagian selatan negeri ini dan Johor itu masih terpelihara dengan keaslian alam semula jadinya, terutama hutan bakau dan nipah.

Selain itu, sungai berkenaan juga penting kepada sumber penanaman ekonomi penduduk setempat menerusi bekalan air untuk penanaman sawah padi serta hidupan air seperti ikan kepada komuniti masyarakat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Datuk Hasan Abd Rahman, berkata bekalan air disalurkan kepada lebih 200 hektar sawah yang diusahakan menghidupkan sungai itu penting kepada penduduk di situ.

Selain itu, katanya, sungai berkenaan juga bakal membebankan air kepada lebih 40 hektar lagi penanaman padi beras wangi.

"Lebih penting, tiada pencemaran sungai dengan pencemaran kepada peruliharaan membolehkan air sungai ini begitu jernih sehingga mengagumkan pengunjung yang datang.

"Sungai ini juga pernah tular di media sosial baru-baru ini disebabkan kebersihannya, selain airnya yang jernih secara tiba-tiba," katanya penduduk dan pihak berkuasa tempatan serta agensi berkaitan turut sentiasa memantau sungai itu daripada dicemari, terutama membabitkan kawasan perindustrian.

Setakat ini, pengusaha industri di kawasan berhampiran sungai itu mematuhi garis panduan alam sekitar dengan menapis air yang keluar daripada kilang, sebelum disalurkan ke sungai.

Terdapat juga buaya di sungai berkenaan selepas orang ramai melihat kelibat haiwan reptilia itu baru-baru ini, na-



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua dari kiri) bersama EXCO Pertanian, Industri Asas Tani dan Koperasi Melaka, Datuk Norhizam Hassan Baktee (kiri) dan Hasan (dua dari kanan) melepaskan anak undang galah di Sungai Kesang, Sungai Rambai. (Foto Amir Mamat/BH)

mun setakat ini tiada perkara tidak diingini berlaku.

Justeru, Sungai Kesang yang menjadi sempadan antara Jasin, Melaka dan Tangkak, Johor terus menjadi perhatian pengunjung dari dalam dan luar negeri untuk merakam gambar kenangan disebabkan kejernihan airnya yang kelihatan kebiruan.

Hasan berkata, dengan adanya Kota Budaya dan pusat riadah di kawasan itu membolehkan pelancong berehat sambil menikmati pelbagai hidangan istimewa di kawasan berkenaan, sekali gus melihat keindahan Sungai Kesang.

Sementara itu, penduduk Adha Abdullah, berkata Sungai Kesang mengalami perubahan dengan airnya kelihatan jernih kebiruan apabila air laut pasang.

"Apa pun, orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati berkunjung ke sungai ini kerana penduduk sering terlibat buaya tembaga yang disahkan kewujudannya oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) negeri," katanya.



Dr Azman Ibrahim meneliti anak pokok di tapak semaian diusahakan penduduk.



## Projek perintis pembangunan tanah terbiar

Oleh NORAINI JUSOH

**SETIU:** Rancangan 'Tanah Berkelompok (RTB) Pengkalan Aman, Setiu yang berpotensi dimajukan dipilih sebagai projek perintis program pembangunan tanah terbiar di Terengganu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, pasukan petugas (*task force*) pemuliharaan tanah ter-

Usaha memulihkan tanah terbiar merupakan salah satu teras tindakan Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu 2019-2023.

biar mengenal pasti kawasan seluas 270 hektar di situ sesuai ditanam dengan mangga dan kontan.

"Kita berhasrat menjadikannya sebagai projek perintis bermula tahun hadapan dengan peruntukan RM1 juta menerusi Jabatan Pertanian.

"Dengan keluasan kira-kira 8,810 hektar tanah terbiar di seluruh negeri, sukar untuk kita bangunkan serentak. Projek perintis ini menjadi contoh atau model yang boleh dikembangkan



Dr Azman Ibrahim meninjau tanaman yang diusahakan penduduk pada program pembangunan tanah terbiar.

ke kawasan lain," ujarnya di sini.

Bellau berkata, usaha memulihkan tanah terbiar merupakan salah satu teras tindakan Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu 2019-2023.

Oleh itu, kata Dr Azman 'task force' di setiap daerah mengambil tindakan sebelum mengemukakan laporan kepada jawatankuasa peringkat negeri.

"Jawatankuasa terbabit bertanggungjawab menyediakan pengkalan data serta ulasan teknikal ke arah pemuliharaan tanah-tanah terbiar dan keperluan peruntukan jika perlu.

"Di samping mengemukakan pelan tindakan,

cadangan 'business model' yang bersesuaian bagi pemuliharaan termasuk aspek pemasaran, penyerahan pelaburan swasta serta petani tempatan," katanya.

Dr Azman juga berkata, kerajaan negeri memberi ruang rakyat mengusahakan tanah terbiar mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Permohonan Lesen Menduduki Sementara (LMS) bagi mengusahakan tanaman kontan, kuasa diperuntukkan kepada Pentadbir Tanah Daerah bagi permohonan tanah tidak lebih satu hektar.

Manakala keluasan tanah melebihi satu hingga em-

pat hektar mesti mendapat kelulusan Pengarah Tanah dan Galian (PTG) setelah mendapat persetujuan Jawatankuasa Tanah Daerah.

"Manakala bagi keluasan tanah lebih empat hektar, mesti mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Negeri setelah mendapat syor daripada Jawatankuasa Tanah Daerah," jelasnya.

Menurut Dr Azman juga istilah tanah terbiar iaitu lot milik individu atau syarikat berkeluasan lebih satu ekan tidak dimajukan selama tiga tahun berturut-turut.

Namun bagi tanah kerajaan walaupun tidak diusahakan, bukan dikira sebagai tanah terbiar.



Tumbikal yang ditalam hasil program pemuliharaan tanah terbiar.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

## Nanas, langsap, tembikai kurang dimakan

**PUTRAJAYA:** Ketika permintaan durian melonjak setiap tahun, keadaan sebaliknya berlaku ke atas beberapa buah tempatan yang menurun mendadak.

Laporan Indikator Pertanian Terpilih 2020 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan permintaan terhadap nanas, langsung dan tembikai semakin merosot.

Rekod kejatuhan besar membabitkan nanas apabila pengeluaran jatuh pada tahun lalu kepada 314,627 tan berbanding tahun sebelumnya 322,551 tan dan 340,722 tan pada 2017.

Senario sama dialami langsung apabila buah itu mencatatkan hanya 18,933 tan sepanjang 2019 lalu daripada 19,633 tan pada 2018 dan 22,912 tan pada tahun sebelumnya.

Pengeluaran tembikai juga turun banyak kepada 144,147 tan pada 2019 berbanding 150,261 tan (2018) dan 172,275 tan (2017).

DOSM merekodkan permintaan cempedak turut menerima tempas apabila pengeluarannya hanya 27,893 tan pada tahun lalu daripada 30,041 tan (2018) namun lebih tinggi berbanding 26,935 tan (2017).

Buah-buahan lain yang mencatatkan peningkatan signifikan antaranya rambutan sebanyak 55,891 tan sepanjang tahun lepas daripada 52,991 tan (2018) dan 37,215 tan (2017).

Turut menokok sedikit pengeluaran ialah nangka sebanyak 31,281 tan pada tahun lalu, naik berbanding hanya 31,175 tan (2018) dan 28,042 tan (2017).

Manggis pula menunjukkan permintaan positif apabila mengeluarkan merekodkan 28,764 tan tahun lepas berbanding 26,170 tan (2018) dan cuma 12,623 tan (2017).

Belimbing membaiki pertumbuhannya kepada 8,054 tan pada 2019.

**J**ELAS teruja saat bercerita mengenai penerokaan baharunya ini, Rahmat sadar barangkali ada yang tertanya-tanya mengapa seorang artis atau selebriti seperti ini ingin keluar daripada bidang seni dan menjerumuskan diri dalam bidang yang jauh berbeza seperti perladangan.

Baginya, dalam keadaan pelbagai sektor terjejas kerana pandemik, dia tidak boleh bergantung harap pada satu cabang sahaja dan perlu berani keluar dari zon selesa.

"Kalau dilihat, industri pertanian tidak terkesan dan mampu mandiri berbanding industri lain ketika pandemik ini. Pasar dibuka dan orang masih perlu untuk membeli sayur, ikan dan bahan mentah untuk keperluan di rumah.

"Jadi tak salah jika saya mencuba bidang ini pula memandangkan permintaan itu ada selain dapat membantu peladang dan petani kecil lain menerusi pembelian secara pukal dan menjualnya pada skala yang lebih besar," katanya.

Dilihat begitu komited dengan perniagaan nanasnya kini, Rahmat mengakui lebih gembira dan tenang menceburi bidang ini tanpa perlu memikirkan soal persaingan sebagaimana hidupnya ketika bergelar artis.

"Nampak saya gembira kah? Ya betul lah tu, saya rasa lebih tenang dan dibargai dalam bidang ini. Kalau dibandingkan dengan dunia hiburan, memang banyak cabaran dan persaingan di mana, setiap hari ada sahaja wajah-wajah baru muncul.

"Berbeza dengan industri pertanian, kita sama-sama saling memerlukan dan membantu. Awak ada ladang, saya ada ladang, hasil kita tuai sama-sama.

"Kalau industri hiburan, saling berlumba-lumba untuk menonjol. Bukanlah nak kata ada yang saling menikam,

## Rahmat kini pekebun nanas



**RAHMAT** menghabiskan banyak masa di ladang nanas berbanding kehidupan sebagai artis.

tetapi masing-masing mestilah nak ke hadapan. Maka wujudlah persaingan," katanya.

### BUAT APA MALU?

Bercerita lanjut mengenai perniagaan nanasnya, kata Rahmat, dia tidak malu andai kata ada pihak selepas ini menggelarnya dengan panggilan 'Rahmat Nanas' berbanding Rahmat Mega.

Menganggap ia juga adalah satu daripada promosi berkesan, penyanyi ini mengaku tidak perlu merasa malu dengan perniagaan yang dijalankan.

"Okeylah tu. Lagipun, dalam industri pertanian, mereka pun sedang mencari ikon artis yang terlibat dalam bidang ini. Memang sebelum ini ada, tetapi kebanyakannya dibayangi



**NANAS** yang sedia untuk dipasarkan di seluruh negara.

oleh orang lain di belakang. "Contohnya ada orang beri dana dan sebagainya. Macam saya, segala-galanya diusahakan daripada bawah,

menggunakan modal sendiri bersama rakan niaga. Pendek kata, daripada A sampai Z, saya usahakan sendiri.

"Sekarang alhamdulillah, orang sudah mula tahu mengenai perniagaan yang saya buat ini dan ada yang minta saya membantu

mereka meluaskan pemasaran hasil tanaman," katanya.

### LAGU ISTIMEWA

Mungkin kedengaran agak pelik, tetapi kata Rahmat, dia juga telah menghasilkan sebuah lagu mengenai tanaman nanas sebagai signifikasi dan dedikasinya kepada cabang baharu bisnesnya itu.

Menulis sendiri lirik dan lagu, Rahmat mengambil kesempatan yang sama untuk mengkomersialkan lagu berjudul *Puteri Mahkota* itu untuk semua pendengar dan peminat.

"Lagu itu memang bercerita mengenai nanas dan kepelbagaian jenisnya. Antara jenis yang disebut dalam lagu ialah MD2, Moris, Josephine, Yankee dan Madu Kaca.

"Sengaja saya hasilkan lagu itu, bukan untuk tujuan korporat pun, tetapi sekadar suka-suka.

"Kalau ada pihak nak lagu itu, contohnya lembaga pertanian, boleh sahaja saya nyanyikan dalam majlis mereka dan sebagainya," katanya.

Ditanya faktor menjadikan dirinya kuat saat berdepan dengan gelombang tidak menentu dalam dunia perniagaan, kata Rahmat: "Jatuh bangun, melabur duit dan rugi ini bagaikan sudah lali dirasakan. Sampaikan mahu melabur dalam sesuatu perniagaan itu, dah tiada rasa takut dah.

"Sebab, kita hanya merancang. Dan selebihnya, Dia yang tentukan. Paling penting, mental kena kuat. Kebanyakan orang, kalau sudah gagal sekali, mereka dah serik. Tetapi macam saya katakan awal-awal, kalau kita tidak jatuh, kita tidak akan naik," katanya.





## Hits



# Pengalaman gagal dalam perniagaan jadi kekuatan

Oleh SITI ATHIRAH  
DZULKIFLY  
siti.athirah@mediamula.com.my

**M**EMEGANG prinsip 'kalau tak jatuh terduduk, tak mungkin juga akan naik ke kemuncak', Rahmat Mega tetap berdegil untuk meneroka pelbagai cabang perniagaan meski pernah dua kali meratap kekecewaan gagal berniaga.

Pernah terlibat dalam perniagaan sewaan tapak medan selera, vokalis yang popular dengan lagu *Bayangan Gurauan* ini sudi berkongsi cerita bagaimana dia terpaksa pejam mata menanggung kerugian sehingga RM400,000.

Bukan kerana ditipu, tetapi kata Rahmat, keadaan semasa telah menyebabkan dia terpaksa melupakan bisnes tersebut yang terletak



**Satu ketika medan selera itu pernah dilanda ribut dan roboh sampai saya terpaksa mengeluarkan modal sekali lagi.."**

di Puchong, Selangor meski sempat beroperasi selama setahun.

Memulakan perniagaan tersebut pada hujung tahun 2018, entah mengapa sedari awal seakan sudah ada petanda bahawa dia tidak akan berlama-lama dengan tapak medan selera tersebut.



"Satu ketika medan selera itu pernah dilanda ribut dan roboh sampai saya terpaksa mengeluarkan modal sekali lagi untuk membaiki pulih tempat berkenaan. Bayangkan, saya terpaksa menjual beberapa aset yang ada termasuk kereta untuk dijadikan modal.

"Tetapi setelah RM400,000 dihabiskan, tetap juga bisnes tersebut tidak balik modal apatah lagi masuk sahaja bulan Mac tahun ini, dunia pula dilanda pandemik Covid-19.

"Bila lalu kawasan itu dan tengok, rasa sedih juga. Jujurnya, memang saya menangis bila memikirkan telah banyak yang dilaburkan untuk memastikan bisnes itu mampu digerakkan. Tetapi, apakah daya," katanya.

Meski pelbagai usaha telah dilakukan, Rahmat bagaimanapun gagal mendapatkan penyewa di tapak medan selera tersebut menyebabkan dia tidak mempunyai pilihan lain kecuali berhenti.

Mengubati nestapa di hati, penyanyi ini kemudiannya ditakdirkan bertemu dengan seorang individu yang memberinya jalan untuk meneroka pula bidang perniagaan lain berasaskan pertanian.

Sesuatu yang belum pernah diceburi olehnya, Rahmat kemudiannya memberanikan diri untuk belajar selok-belok dunia perladangan dengan fokusnya adalah tanaman nanas di Muar dan Kulai.

"Semasa awal tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) saya ada cuba berjajak-jinak dalam projek mencari tanah untuk tanaman ini. Dalam masa sama, bekerjasama dengan peladang sedia ada untuk bantu mereka menjual hasil tanaman.

"Tanaman nanas yang popular adalah kategori MD2 yang mendapat banyak permintaan di serata negara," katanya.